

KECENDERUNGAN ISTERI YANG DICERAI DALAM MENUNTUT MUT'AH

Aida Syazana Mokhriⁱ, Zul-kifli Hussinⁱⁱ, Sharifah Nurulhuda Binti S AB Latifⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial
Universiti Sultan Azlan Shah. aidasyazana0866@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial
Universiti Sultan Azlan Shah. zul-kifli@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial
Universiti Sultan Azlan Shah. sharifahnurulhuda@usas.edu.my

ABSTRAK

Mut'ah ialah pemberian sagu hati yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri selepas berlakunya perceraian. Namun, realiti yang berlaku di mahkamah pada masa kini, ramai para isteri yang menuntut *mut'ah* dengan kadar yang melampau. Persoalannya, apakah yang menyebabkan para isteri meminta *mut'ah* dengan jumlah yang sangat tinggi bahkan kadang-kadang jumlah yang dituntut tidak masuk akal? Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti kecenderungan isteri dalam mengemukakan tuntutan *mut'ah* dari perspektif hakim syarie'. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan melibatkan protokol temu bual separa struktur Bersama hakim Mahkamah Syariah. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian mendapati bahawa tuntutan *mut'ah* yang tinggi yang dituntut oleh isteri lebih menjurus kepada andaian bahawa jumlah tersebut adalah hak mereka yang sepatutnya diberi oleh suami. Hal ini dapat difahami dengan merujuk kepada keputusan hakim yang menolak permohonan yang tidak munasabah itu kepada nilai yang lebih munasabah. Dapatan juga menunjukkan bahawa untuk mengelakkan daripada plaintiff menuntut *mut'ah* dengan kadar yang tinggi, kaedah yang terbaik yang dapat diambil adalah dengan melalui kaedah *sulh*. Kajian ini mencadangkan agar pihak berautoriti merangka satu garis panduan dalam tuntutan nafkah *mut'ah*.

Kata-kata kunci: *darar*, Enakmen Keluarga Islam, *mut'ah*, *sulh*, tuntutan melampau

PENGENALAN

Mut'ah ialah satu hak yang berbentuk nafkah yang layak dituntut oleh isteri kepada suami selepas berlakunya perceraian. Agama Islam sangat meraikan wanita dan menjunjung martabat seorang isteri yang telah banyak berkorban untuk suami mereka. Tidak dapat disangkal lagi bahawa pensyariatan *mut'ah* bukanlah satu perkara yang diada-adakan oleh manusia atau bukan sesuatu yang dongeng. Namun, pensyariatan tuntutan ini jelas digambarkan dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَقْتُمُ الْنِسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا هُنَّ فَرِيضَةٌ ۝ وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمُؤْسِعِ
قَدْرُهُ، وَعَلَى الْفُقْرِ قَدْرُهُ، مَتَّعًا بِالْمَعْرُوفِ ۝ حَفَّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya : Tidaklah kamu bersalah dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk mereka. Walaupun demikian, hendaklah kamu memberi "Mut'ah" (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu). Iaitu: suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang (yang mahu) berbuat kebaikan. (Al-Quran:2:236)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah sangat memuliakan para isteri dengan mewajibkan para suami untuk membayar mas kahwin semasa akad nikah dan memberi nafkah secukupnya semasa dalam ikatan perkahwinan. Bahkan, selepas perceraian, Allah SWT juga mensyariatkan *mut'ah* sebagai sagu hati di atas pengorbanan isteri dalam melayani suami dan kekuatan jiwanya dalam melayari bahtera perkahwinan.

Allah SWT telah mensyariatkan nafkah *mut'ah* sebagai hadiah kepada wanita yang diceraikan oleh suaminya mengikut kadar kemampuan suami. *Mut'ah* ialah suatu bayaran yang wajib ke atas suami yang diberikan kepada isteri yang diceraikan tanpa sebab yang munasabah mengikut hukum syarak (Nasri et al., 2020). Namun, realiti pada hari ini, terlalu ramai wanita yang menuntut hak mereka iaitu hak *mut'ah* dengan kadar yang melampau. Hal ini dapat dibuktikan dalam Alasan Penghakiman (AP) yang menunjukkan isteri sering memohon *mut'ah* yang tinggi.

Wafa Aula (2023) mendedahkan beberapa kes yang membuktikan bahawa isteri meletakkan kadar yang tinggi dalam tuntutan *mut'ah*. Kes tersebut melibatkan Lufya Omar iaitu isteri yang telah menuntut nafkah *mut'ah* daripada bekas suaminya, Dr. Che Muhammad Hafiz Che Baharum sebanyak RM1 juta. Lufya memberi alasan bahawa beliau adalah seorang ibu tunggal dan perlu menyara seorang anak. Kata beliau lagi, tuntutan sebanyak kadar tersebut adalah kerana sepanjang perkahwinan beliau tidak pernah menuntut apa-apa daripada bekas suaminya. Bukan itu sahaja, nilai RM1 juta itu adalah untuk keadilan bagi beliau kerana sudah difitnah.

Kes di atas sebagai contoh yang menunjukkan bahawa tuntutan yang dibuat oleh isteri yang dicerai adalah tinggi. Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti kecenderungan isteri dalam mengemukakan tuntutan *mut'ah* dari perspektif hakim syarie'. Kecenderungan isteri dalam menuntut *mut'ah* yang tinggi kerana ini akan membawa implikasi kepada suami. Jika hakim memperkenankan permintaan tersebut, maka akan memberi beban kepada suami bagi membayar tuntutan tersebut dan menanggung komitmen yang ada.

KAJIAN LITERATUR

Hasil penelitian Ros Asmaniza Abdul Latif & Raihanah Abdulllah (2013) yang bertajuk *Mut'ah Al-Talaq: Jaminan Hak dan Perlindungan Wanita Selepas Perceraian* merumuskan bahawa sebenarnya hukum membayar *mut'ah* ini telah menjadi perbincangan dalam kalangan para fuqaha. Pendapat Imam Malik nafkah *mut'ah* ini adalah tidak wajib. Mengikut pendapat Imam Syafi'i dan para fuqaha lain nafkah *mut'ah* adalah wajib bagi mereka yang telah menceraikan isteri mereka. Dalam dapatan beliau, nafkah *mut'ah* ini dapat memberi perlindungan kepada wanita. Antaranya ialah perlindungan emosi. Hal ini kerana nafkah *mut'ah* ini adalah sebagai hadiah kepada isteri yang diceraikan tanpa sebab yang munasabah di sisi syara' bagi mengelakkan kemudaratuan yang akan menimpa isteri selepas bercerai. Nafkah ini juga dapat memberi perlindungan material iaitu perlindungan kewangan bagi memudahkan isteri dalam menjalani kehidupan sehari-hari selepas diceraikan.

Sorotan seterusnya dilakukan berdasarkan kajian Riyam Ramdani dan Firda Nisa Syafithri (2021) bertajuk Penentuan Besaran Nafkah Madhiyah, Nafkah Iddah Dan *Mut'ah* Dalam Perkara Perceraian di Pengadilan Agama. Kajian ini mengukur penentuan besaran nafkah-nafkah yang boleh dituntut oleh isteri yang diceraikan. Hasil dapatan dalam memberi pertimbangan terhadap penentuan nafkah, majlis hakim merujuk kepada dua hal iaitu mestilah isteri yang diceraikan itu tidak termasuk dalam kalangan isteri nusyuz dan kedua diukur berdasarkan faktor ekonomi suami.

Kajian yang disorot seterusnya ialah kajian daripada (Nasri et al., 2020) yang bertajuk Hak Isteri Selepas Perceraian Menurut Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia: Analisis Faktor Penghalang Memperolehnya. Hasil dapatan mendapati bahawa hak isteri selepas perceraian ialah hak memperoleh nafkah iddah, memperoleh nafkah *mut'ah* dan hak memperoleh harta sepencarian. Secara ringkasnya, halangan untuk memperoleh hak-hak ini ialah isteri yang diceraikan itu adakah isteri nusyuz. Dalam tuntutan *mut'ah* pula, tuntutan *fasakh*, talak *khuluk*, dan berlaku perjanjian antara suami isteri bahawa tidak akan menuntut *mut'ah* selepas perceraian merupakan antara faktor halangan menuntut hak nafkah *mut'ah*.

Kajian yang diteliti juga ialah kajian yang ditulis oleh Rizki Putra Pratama, Zuraidah Azkia, A'dawiyah Bt Ismail (2023) yang meneliti tentang Pembebanan Nafkah Iddah dan *Mut'ah* Dalam Tinjauan Hukum Islam Di Indonesia dan Malaysia. Objektif kajian ini ialah mengetahui pertimbangan hakim dalam pembebanan nafkah iddah dan *mut'ah* dan untuk memahami tinjauan hukum Islam di Indonesia dan Malaysia tentang pembebanan nafkah iddah dan *mut'ah*. Kajian yang diteliti juga ialah kajian yang ditulis oleh Rizki Putra Pratama, Zuraidah Azkia, A'dawiyah Bt Ismail yang meneliti tentang Pembebanan Nafkah Iddah dan *Mut'ah* Dalam Tinjauan Hukum Islam Di Indonesia dan Malaysia. Hasil dari penelitian menunjukkan bahawa hakim memberikan keputusan berlandaskan pertimbangan pembuktian daripada pihak-pihak berdasarkan bukti bahawa daripada plaintif tidak nusyuz. Hal ini selari dengan pasal 41 UU No.1 Tahun 1974,, sedangkan menurut hukum Islam di Malaysia, ia selari dengan sejalan dengan Undang-Undang Keluarga Islam Enakmen Nomor 17 Tahun 2003 yang lebih menjamin hak-hak perempuan pasca perceraian. Adapun mengenai nafkah *mut'ah*,

penentuan jumlah yang harus diberikan oleh suami kepada isterinya harus berdasarkan ketetapan hakim.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan atau research adalah gabungan dua patah perkataan ‘re’ dan ‘search’, iaitu pendekatan penyelidikan bersistematik untuk mendapatkan pengetahuan baharu daripada fakta sedia ada (Zul-kifli and Nurain Ab 2022). Bagi menghasilkan kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan ialah kualitatif. Kualitatif ialah kajian yang dijalankan memerlukan pemerhatian yang teliti. Kajian kualitatif tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil dalam satu kumpulan (Hamzah Azizah, 2010). Dalam konteks kajian ini, sampel yang digunakan dalam kajian ini kecil iaitu hanya melibatkan seorang orang hakim untuk mendapatkan maklumat. Pemilihan responden berdasarkan kaedah sampel bertujuan (*purposive sampling*). Kajian kualitatif ini dapat membuktikan sejauh mana dapatan kajian dapat menggambarkan fenomena yang dikaji atau diterokai itu tepat dan tekal (Othman Lebar, 2006). Kajian ini bertepatan dengan pernyataan di atas di mana kajian ini mengkaji, fenomena yang jelas berlaku di mahkamah pada masa kini iaitu ramai isteri menuntut nilai *mut'ah* yang tinggi (Junaid Ilham, 2016). Bagi menyempurnakan kajian ini, data dikumpul dengan menggunakan temu bual separa struktur dan analisis dokumen. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara analisis tematik. Analisis tematik ialah suatu metode dengan mengidentifikasi, menganalisis dan melaporkan tema-tema atau pola-pola yang terdapat dalam data (Junaid Ilham, 2016). Oleh itu, dapatan daripada temu bual yang diadakan telah dianalisa dan dikeluarkan beberapa tema. Tema tersebut kemudiannya diletakkan kod seperti (IN1/300724/B1-12). IN membawa maksud informan iaitu Hakim Mahkamah Syariah, 300824 pula ialah tarikh temu bual manakala B1-12 menunjukkan baris.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengenalan Mut'ah

Mut'ah merupakan satu-satunya hak yang khusus kepada wanita selepas berlaku perceraian tertakluk kepada syarat sebagaimana yang telah dipersetujui oleh para ulama' fiqh (Ros Asmaniza & Raihanah, 2013).

Merujuk daripada kamus arab, kata *mut'ah* berasal daripada perkataan

(متاع - يَتَّعِي - مَتَاعَةً) yang membawa maksud hadiah, barang, kenikmatan atau kesenangan.

Mut'ah juga berasal daripada perkataan arab iaitu التمتع yang bermaksud menyeronokkan atau dimanfaati (Zulkifli Al-Bakri, 2013). Berdasarkan Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1987 nafkah *mut'ah* ditafsirkan sebagai :

“Pemberian yang wajib atas suami kepada isteri kerana bercerai dengan syarat-syarat yang tertentu mengikut Hukum Syara’

Firman Allah SWT dalam hal tuntutan *mut'ah* :

يَأَيُّهَا الْلَّذِينَ إِمَانُكُمْ إِذَا نَكْحُنُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْنَاهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا لَكُنْمُ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا
○ فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاجًا حَمِيلًا

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang idah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah *mut'ah* (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya

(al-Quran 33 : 49)

KECENDERUNGAN ISTERI DALAM MENUNTUT MUT'AH

Kadar Tuntutan Mut'ah

Merujuk kepada al-Fiqh al-Manhaji, bagi menentukan kadar *mut'ah*, maka suami dan isteri boleh berbincang dan sekiranya bersetuju dengan kadar tersebut, maka kadar itu sah menjadi *mut'ah*. Sekiranya gagal mencapai persetujuan bersama, maka kadi akan menentukannya mengikut status suami dan isteri dari sudut sosio-ekonomi (Zulkifli Al-Bakri, 2013). Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمُوسِعِ قَدْرُهُ، وَعَلَى الْمُفْتَرِ قَدْرُهُ، مَتَّعًا بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُحْسِنِينَ

“*Mut'ah* (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu). Iaitu: suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang (yang mahu) berbuat kebaikan.

(al-Quran:236)

Walaupun begitu, hak tuntutan *mut'ah* ini telah diatur oleh Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri di Malaysia contohnya Negeri Perak dalam Seksyen 58 yang memperuntukkan:

“Selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian sagu hati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut,

memerintahkan suami membayar apa-apa jumlah wang yang wajar dan adil mengikut Hukum Syarak.”

Peruntukan di atas jelas menyatakan bahawa kadar nafkah *mut'ah* ini diputuskan oleh mahkamah mengikut kewajaran tuntutan tersebut.

Dalam membuat keputusan juga, hakim juga meletakkan kadar *mut'ah* yang minimum yang boleh diluluskan sekiranya suami tidak berkemampuan memberi *mut'ah* dalam kadar yang tinggi. Hal ini berikutan jawapan daripada temu bual informan 1:

“Kalau kita tengok kalau macam kisah-kisah dulu, kisah pasal sahabat dulu dia ada tentang *mut'ah* tu. Paling minimum 3 dirham. Kalau misal kata kita dirham tu macam dolar jugak lah. Dia lebih kurang macam tu. So, dalam bentuk 30 dirham ada setengah hakim buat keputusan berdasarkan itu kalau suami kurang berkemampuan so itu lah takat minimum dia. So bergantung kepada status kewangan ni tadi lah. Status kewangan suami. Jadi dia takkan pulang dengan tangan kosong. Mintak, tiba-tiba permohonan ditolak. Tidak ada. Maknanya hakim tengok contohnya kita nak kaitkan dengan kes dulu paling minimum 30 dirham. So 30 dirham kalau kita pindahkan dalam kewangan sekarang berapa. Mungkin RM600, RM700, RM800 macam tu lah. So itu paling minimum lah.” (IN1/300824/B133-147)

Timbang Tara Hakim Dalam Meluluskan Kes *Mut'ah*

Dalam membuat keputusan, hakim tidak akan sewenang-wenangnya menerima tuntutan isteri yang menuntut nilai yang tidak munasabah. Dua faktor yang menjadi perhatian informan dalam membuat keputusan *mut'ah* pertama, mengambil kira faktor sosial isteri. Kedua, faktor kemampuan suami.

Bagi faktor sosial isteri, isteri yang dibesarkan dengan taraf hidup yang tinggi, maka wajarlah untuk hakim meluluskan tuntutan *mut'ah* yang tinggi mengikut kewajarnya. Namun jika sebaliknya, hakim akan meluluskan dengan kadar yang lebih munasabah. Dalam kes Zahra Rahmah binti Abdul Rahman lwn Mohd Nazari bin Ismail (No. Kes:10100-023-0001-2001), 27 September 2016M. Plaintiff (Zahra Rahmah binti Abdul Rahman) telah memohon nafkah *mut'ah* daripada defendant (Mohd Nazri bin Ismail) sebanyak RM500,000. Tuntutan tersebut disokong oleh kenyataan plaintiff yang mendakwa defendant berkemampuan membayar tuntutan tersebut kerana gaji defendant adalah sebanyak RM9,480.90 yang bekerja sebagai Ketua Jabatan Dasar dan Strategi Perniagaan, Fakulti Perniagaan & Perakaunan Universiti Malaya. Namun, apabila mahkamah meneliti slip gaji defendant, pendapatan defendant hanya berjumlah RM6,424.20 sahaja. Defendant juga menyatakan bahawa gaji pokok beliau berjumlah RM4,000.00 dan gaji kasar RM6,000.00. Dalam mengukur kelayakan plaintiff untuk mendapat tuntutan *mut'ah* yang tinggi atau semata-mata berdasarkan pendapatan defendant, maka mahkamah akan melihat kepada beberapa faktor antaranya ialah sifat atau kedudukan isteri dan juga faktor nasab isteri. Melihat kepada kedudukan plaintiff, mahkamah mendapati bahawa plaintiff hanya berasal daripada keturunan biasa sahaja dengan bapanya telah bersara sebagai tentera yang berpangkat Leftenan Kolonel dan ibunya seorang suri rumah. Plaintiff seorang wanita yang bekerjaya memberi merit kepada plaintiff untuk mendapat nilai *mut'ah* yang tinggi.

Namun, mahkamah mendapati plaintif masih berada dalam golongan keluarga sederhana berbanding keluarga yang berpengaruh seperti kerabat sultan, pemimpin atau ulama'. Keputusan daripada kes ini maka mahkamah memutuskan bahawa kadar yang layak diterima oleh plaintif hanyalah RM12,800 sahaja. Berdasarkan ulasan mahkamah bagi tuntutan ini, tuntutan plaintif *mut'ah* sebanyak RM500,000.00 adalah sangat berlebih-lebihan. Juga, dapat dibuktikan lagi dengan kata-kata informan:

"Kita kena tengok taraf sosial isteri tu. Kadang-kadang kita tengok dia kahwin dengan anak dato'. Memang taraf hidup dia memang dah tinggi. Mustahil lah kalau kau dah kahwin dengan anak dato' mas kahwin dia sikit hantaran sikit mestilah nak yang *grand kan*. So dia tengok yang itu jugaklah." (IN1/300824/100-105)

Bagi faktor yang kedua, iaitu faktor kemampuan suami, walaupun suami mempunyai pendapatan yang banyak, hakim juga akan mengambil kira komitmen yang sedang ditanggung oleh suami. Dalam kes IBO lwn NBM (No. Kes:10400-016-0284-2013). Permohonan ini difailkan oleh perayu kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Y.A Hakim Bicara Mahkamah Tinggi Syariah yang menetapkan kadar *mut'ah* yang perlu dibayar oleh perayu (suami) adalah sebanyak RM17,067.30. Kes ini difailkan kerana perayu hanya bekerja sebagai kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mempunyai gaji bersih RM2,518.34 sebulan. Tempoh perkahwinan perayu dan responden (isteri) hanyalah selama 4 tahun 10 bulan sahaja. Akhirnya, mahkamah berpendapat bahawa jumlah *mut'ah* sebanyak RM4,000.00 adalah munasabah dan berpatutan kerana ia masih dalam lingkungan kemampuan perayu yang mempunyai pendapatan gaji semasa bercerai sebanyak RM2000 lebih sebulan. Mahkamah menetapkan perayu perlu membayar *mut'ah* kepada responden sebanyak RM4,000.00 sahaja. Dalam kenyataan hakim juga membuktikan kemampuan suami adalah kayu ukur utama yang menjadi rujukan para hakim dalam meluluskan tuntutan *mut'ah*. Hujah daripada informan ialah :

"Status kewangan semasa bercerai tu kita akan tengok jugak. Kalau dia bercerai dalam keadaan dia kaya raya. So kita akan buat pertimbangan. Yang paling utama sekali ialah kemampuan suami lah. Kalau kita letak banyak-banyak pon kita tahu suami tu memang tak mampu. So tak boleh jugak untuk dilaksanakan. Kalau kita banyak mana sekali pon memang suami tu tak mampu. Yang paling penting sekali kita akan tengok kemampuan suami lah. Kalau bercerai tu memang suami CEO ke bos ke dan sebagainya memang tiada masalah lah. Tapi masa bercerai tu memang dia peniaga tepi jalan je dan sebagainya itu memang kita akan tengok jugak lah. Tuntutan pulak RM20,000. Perniagaan tepi jalan untung bersih pon dalam RM4,000 , RM5,000 Kita akan tengok yang paling maksimum yang suami boleh peruntukkan untuk *mut'ah*." (IN1/300824/106-129)

Fenomena Tuntutan *Mut'ah* Masa Kini

Mut'ah ialah satu pemberian yang diberikan oleh suami kepada isteri selepas berlakunya perceraian mengikut kemampuan suami. Namun, jika diteliti dengan realiti yang berlaku di mahkamah pada masa kini, para isteri menuntut *mut'ah* dengan kadar yang melampau. Hasil kajian ini mendapati kebanyakan isteri cenderung untuk meminta *mut'ah* yang tinggi. Kenyataan ini disokong dengan beberapa alasan penghakiman yang telah dikaji.

Dalam kes pertama iaitu Dr Suraiya M Shafie lwn Dr Abd Shukor Mohd Hashim 27 (2) 2009 JH 259, plaintif (Dr. Suraiya) telah memohon *mut'ah* sebanyak RM500,000.00. Jumlah tersebut dituntut dengan hujah bahawa defendant (Dr Abd Shukor Mohd Hashim) mampu untuk membayarnya. Selain itu, plaintif juga menuntut dengan kadar tersebut berdasarkan nafkah diri plaintif, pakaian dan perhiasan diri plaintif . Kadar tersebut juga termasuk upah menjaga, mengurus dan membesarkan empat orang anak. Mahkamah beranggapan bahawa tuntutan itu tidak munasabah kerana alasan tersebut lebih dekat kepada nafkah. Alasan plaintif yang mengatakan bahawa perceraian tersebut menjadikan plaintif seorang yang hina dan dipandang serong juga ditolak kerana mahkamah berpendapat hanya plaintif sahaja yang berperasaan sebegini akibat tertekan daripada perceraian yang berlaku. Hujah mahkamah ini disokong oleh pengakuan yang dibuat oleh SP1(saksi pengadu 1) yang masih membantu dan memberi sokongan yang kuat kepada plaintif. Mahkamah akhirnya menetapkan jumlah yang diluluskan ialah RM70,000.


Fenomena yang berlaku pada masa kini turut disokong oleh kes kedua yang berlaku antara Zainuddin Bin Syed Mohamed lwn Salmah Binti Jamaludin (No.Kes:10000-016-0100-2015). Kes ini dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan. Rayuan telah dibuat oleh perayu (Zainuddin Bin Syed Mohamed) kerana beliau mendakwa hakim bicara terkhilaf dalam memutuskan kadar *mut'ah* sebanyak RM20,145.89 daripada jumlah asal yang dituntut oleh responden (Salmah Binti Jamaludin) sebanyak RM135,290.00. Sedangkan mengikut kemampuan perayu, perayu bukan berasal dari golongan kaya dan senang. Pendapatan perayu yang dikemukakan kepada mahkamah hanya setakat elau bulanan bagi dua sumber terimaan iaitu Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejumlah RM900.00. Keputusan akhir, mahkamah menerima rayuan perayu dan jumlah yang ditetapkan ialah RM10,260.00 sahaja.

Dalam kes ketiga, Zaharah binti Alias lwn Jen. (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim (No. Kes :10000-016-0012-2008) perayu (Zaharah binti Alias) menuntut agar responden (Tan Sri Dato' Zain Hashim) membayar sebanyak RM1,000,000.00 sebagai *mut'ah*. Semasa bercerai, responden merupakan seorang pengurus dan ahli lembaga pengarah kepada 10 buah syarikat Affin Bank. Responden berpendapatan sebanyak RM11,500.00 selepas ditolak dengan beberapa komitmen yang lain. Walau bagaimanapun, mahkamah memerintahkan agar defendant (suami) membayar RM200,000.00 sahaja. Perayu tidak berpuas hati dengan kadar yang ditetapkan itu dan akhirnya membawa kes ini ke mahkamah rayuan dengan fakta bahawa kadar yang ditetapkan oleh mahkamah tinggi syariah itu adalah tidak wajar dengan pendapatan responden. Rayuan perayu ditolak. Perintah tersebut dikekalkan dengan bayaran *mut'ah* dibayar oleh responden kepada perayu sebanyak RM200,000.00.

Seterusnya dalam kes keempat, Noorain bt Ahmad lwn. Dato' Dr. Ir Abdul Rashid bin Maidin, (No. Kes: 14200-016-0209/14200-023-0210-2012/14200-099-0211-2012), plaintif iaitu Noorain bt Ahmad menuntut *mut'ah* sebanyak RM2,000,000.00. Tuntutan ini berdasarkan alasan yang dikemukakan oleh plaintif iaitu plaintif adalah merupakan seorang ahli korporat. Plaintiff memiliki firma di atas nama “*Asia Pacific Risk Control Sdn Bhd*” dan berpendapatan

bulanan sebanyak RM7000 sebulan daripada kerjaya tersebut. Walau bagaimanapun, setelah berkahwin dengan defendant, defenden telah meminta agar plaintiff meninggalkan kerjayanya kerana ingin memberi tumpuan kepada rumah tangga iaitu sebagai suri rumah sepenuh masa. Walau bagaimanapun setelah defendant gagal menunaikan tanggungjawab sebagai suami, plaintiff terpaksa meneruskan kembali usaha untuk menyara kehidupan iaitu dengan menjalankan perniagaan sebagai pengedar pakaian seterusnya membuktikan kepada mahkamah bahawa kehidupan plaintiff selepas bercerai adalah sukar. Keputusan daripada kes ini, mahkamah telah menetapkan kadar *mut'ah* yang diluluskan ialah sebanyak RM230,000.

Dalam kes kelima, Shahnaz binti Majid lwn Dato' Sri Mahmud Abu Bekir Taib (No. Kes 14100–016–0107 Of 2011). Shahnaz binti Majid sebagai plaintiff telah menuntut *mut'ah* sebanyak RM100,000,000.00. Alasan plaintiff dalam menuntut sebanyak nilai yang tersebut ialah kerana beranggapan defendant mampu untuk membayar jumlah tersebut, pengorbanan dan kesusahan yang dialami oleh plaintiff sepanjang perkahwinan akibat tidak bertanggungjawab defendant, peluang plaintiff untuk memulakan kehidupan dan keluarga baharu tersekat selepas 10 tahun hidup ibarat gantung tidak bertali dan perceraian yang berlaku telah mengaibkan dan merendahkan kedudukan plaintiff pada mata masyarakat. Walau bagaimanapun, mahkamah menetapkan jumlah tuntutan yang dibuat oleh plaintiff itu tidak munasabah. Akhirnya, mahkamah memerintah defendant agar membayar sebanyak RM30,000,000.00.



Rajah 1: Kecenderungan Tuntutan Mut'ah

Rajah 1 di atas membuktikan realiti yang berlaku di mahkamah syariah pada hari ini. Kes 1 hingga 5 menunjukkan tuntutan yang dibuat dengan kadar yang tinggi. Namun, tuntutan yang dibuat itu ditolak oleh mahkamah kerana tuntutan tersebut adalah berlebih-lebihan.. Malah, tuntutan yang paling banyak adalah berjumlah RM100,000,000.00. Walaubagaimanapun, mahkamah menolak tuntutan tersebut dan menggantikan dengan kadar yang lebih munasabah mengikut pandangan mahkamah.

Faktor yang Mendorong Wanita Menuntut *Mut'ah* yang Tinggi

Tidak dinafikan bahawa isteri-isteri yang dicerai berhak menuntut mut'ah kerana mereka tahu bahawa mereka mempunyai hak untuk menuntut *mut'ah*. Isteri yang layak ialah isteri yang diceraikan oleh suaminya tanpa sebarang sebab berhak untuk menuntut nafkah *mut'ah al-talaq* sebagai hadiah atau saguhati. Kenyataan ini berdasarkan Seksyen 58 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perak yang memperuntukkan :

“Selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian sagu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar apa-apa jumlah wang yang wajar dan adil mengikut Hukum Syarak.”

Peruntukan di atas jelas menyatakan bahawa nafkah *mut'ah* ini layak dituntut oleh isteri yang diceraikan tanpa sebab .

Seterusnya, isteri yang berhak mendapat hak *mut'ah* ialah isteri yang diceraikan selepas persetubuhan. Adapun isteri yang diceraikan sebelum persetubuhan dan maskahwinnya tidak disebut semasa akad nikah juga layak menuntut *mut'ah*

Faktor ini dikukuhkan lagi dengan hasil temu bual bersama hakim syari'e iaitu :

“Pada pandangan saya, peribadi lah itu hak dia. Dia nak minta tinggi ke rendah ke itu memang hak isteri untuk diberikan sagu hati untuk dia mengabdikan diri dia sebagai isteri kepada suami.” (IN1/300824/B148-152)

Namun persoalan yang dibangkitkan adalah kebanyakan tuntutan tersebut adalah sangat tinggi. Pada pandangan plaintif (isteri) berdasarkan Alasan-alasan Penghakiman di atas, didapati bahawa isteri (plaintif) menuntut kadar mut'ah yang tinggi beranggapan bahawa tuntutan tersebut wajar dan munasabah. Namun, dalam perbicaraan, hakim menolak kadar yang dituntut berdasarkan dua kriteria yang telah dibincangkan di atas. Bahkan hakim menyebutkan bahawa tuntutan-tuntutan itu bersifat berlebih-lebihan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tuntutan-tuntutan tersebut dipengaruhi oleh emosi. Kenyataan ini turut disokong oleh informan:

“Kalau benda yang dekat mahkamah ni jarang lah yang bercerai tu dengan bersuka ria. Dia mesti akan ada dendam, akan ada perasaan oh dulu kau buat aku macam ni aku nak balas jugak” (IN1/300824/B152-155)

“Pengalaman saya berbelas tahun, beza lelaki dengan perempuan di mahkmah lelaki ni kalau ada masalah dia akan senyap. Dia tak akan bercerita. Kalau boleh dia simpan, dia simpan. Dia takkan keluar kat hakim. Tapi kalau perempuan, satu perkataan dia keluarkan tu pum pum pum tak berhenti sampai hakim yang terpaksa stopkan dia sebab memang dia punya pengumpulan data sangat banyak. Jadi dia keluarkan tak berhenti. Semua dia ungkit” (IN1/300824/B173-181)

Untuk mengelakkan daripada pertentangan antara dua perkara, iaitu sesuatu yang dianggap sebagai hak dan sesuatu yang realiti, maka pendekatan yang lebih harmoni perlu dihayati oleh pihak-pihak. Matlamat utama perbincangan bukan untuk mengetahui siapa yang benar atau salah atau untuk menentukan sama ada mana-mana prinsip telah dilanggar, tetapi lebih kepada untuk menyelesaikan masalah. Dalam hal ini, masalah yang dipertikaian adalah tuntutan kadar mut’ah yang patut dan munasabah untuk isteri yang diceraikan. Dalam menuntut hak, akan ada pihak yang berasakan dia berhak atas tuntutan itu dan dalam masa yang sama juga ada pihak yang berasa teraniaya.

Jalan perdamaian yang dapat diambil bagi kes ini ialah dengan melalui *sulh*. Dalam satu kolokium yang oleh dianjurkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Perak (JKSPK) pada 23 November 2021, Salah seorang ahli panel, Najibah Mohd Zin telah menyatakan bahawa kebanyakan negara-negara Islam di dunia sudah mula memberi perhatian kepada penyelesaian secara perdamaian (*sulh*) berbanding perbicaraan. Hal ini kerana *sulh* sifatnya adalah sama menang (*win-win situation*). Manakala perbicaraan pula bersifat kalah-menang. Dengan mengutamakan prinsip sama menang, maka bekas suami dan isteri juga tidak akan menyimpan dendam di antara mereka. Anak juga tidak akan menjadi mangsa keadaan. Keluarga kedua belah pihak juga tidak saling bermusuhan, bahkan masyarakat juga akan hidup lebih harmoni (Zulkifli, 2023). Dengan melalui *sulh*, maka tuntutan yang tinggi dapat diselesaikan secara muafakat dan munasabah.

KESIMPULAN

Pensyariatan *mut’ah* sebenarnya melambangkan kepada semua umat tentang kedudukan mulia seorang isteri di sisi Allah. Ketetapan hukum *mut’ah* ini sebagai salah satu manifestasi bahawa golongan ini diberikan jaminan dalam apa juga keadaan. Namun, ramai isteri yang diceraikan meminta *mut’ah* yang tinggi. Pelbagai alasan yang dihujahkan oleh mereka hanya kerana mereka ingin mendapat bayaran yang tidak masuk akal. Walau bagaimanapun tuntutan yang melampau itu kebanyakannya ditolak oleh hakim. Ini membuktikan bahawa kadar tuntutan mereka sangat tidak munasabah dan berlebih-lebihan. Maka kaedah yang terbaik adalah melalui *sulh*. Oleh itu kajian mencadangkan pemerkasaan *sulh* bagi kes-kes yang melibatkan tuntutan bagi mengelak berlaku rasa tiidak puas hati antara pihak-pihak.

RUJUKAN

Akta/Enakmen

Enakmen Keluarga Islam (1992) Perak

Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1987

Jurnal/artikel/thesis/buku/akhbar

Hamzah Azizah. (2010). Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 5.

- Jabatan Kehakiman Syariah Perak. (2024, 8 17). Didapatkan dari Majlis Sulh: <https://syariah.perak.gov.my/index.php/perkhidmatan/majlis-sulh>
- Hamzah Azizah. (2010). Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 5.
- Jabatan Kehakiman Syariah Perak. (2024, 8 17). Didapatkan dari Majlis Sulh: <https://syariah.perak.gov.my/index.php/perkhidmatan/majlis-sulh>
- Junaid Ilham. (2016, Februari). Analisis Data Kualitatif Dalam Penelitian Pariwisata. *Jurnal Kepariwisataan*, 10(01), 1979-7168.
- Mohd Sabree Nasri, Mohd Shauqi Saiful Suhardi, Mohamad Afandi Md Ismail. (2020). Hak Isteri Selepas Penceraian Menurut Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia : Analisis Faktor Penghalang Memperolehnya. *Journal of Law & Governance*, 3(01), 42-58.
- Nasri, M. S., Suhardi, M. S. S., & Ismail, M. A. M. (2020). Hak Isteri Selepas Penceraian Menurut Undang-undang Keluarga Islam Di Malaysia: Analisis Faktor Penghalang Memperolehnya. *Journal of Law & Governance*, 3, 42–58.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Riyan Ramdani, Firda Nisa Syafithri. (2021, March). Penentuan Besaran Nafkah Madhiyah, Nafkah Iddah dan Mut'ah Dalam Perkara Penceraian Di Pengadilan Agama. *Jurnal Hukum dan Kemanusiaan*, 15(1), 37-50.
- Rizki Putra Pratama, Zuraidah Azkia, A'dawiyah Bt Ismail. (2023, Jun). Pembebanan Nafkah Iddah dan Mut'ah Dalam Perkara Cerai Gugat Dalam Tinjauan Hukum Islam Di Indonesia dan Malaysia. *Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 7(1).
- Ros Asmaniza Abdul Latif, Raihanah Abdullah. (2013). Mut'ah Al-Talak: Jaminan Hak Dan Perlindungan Wanita Selepas Penceraian. *Jurnal Syariah*, 21(3), 343-362.
- Wafa Aula. (2023, Mei 10). *Rm1 Juta Demi Anak dan Pengorbanan Saya - Lufya Omar*. Didapatkan dari Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/rm1-juta-demi-anak-dan-pengorbanan-saya-lufya-omar/>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2013). *Al-Fiqh Al-Manhaji Kekeluargaan Islam Dalam Fiqh Al-Syafi'i*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Darul Syakir Enterprise.

Zul-kifli, Hussin, and Hamid Nurain Ab. 2022. ‘Gerakan Ateis Dalam Kerangka Tafsiran Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan’. *Al-Takamul al-Ma’rifi* 5(1):1–13